

No. Ruj : LIPM:SPT/BHB/01/01/4( 10 )  
Tarikh : 9 Januari 2020

**KEPADA YANG BERKENAAN**

Tuan/puan,

**PENDAFTARAN PERAKUAN PEMATUHAN STANDARD (PPS) BAGI BAHAN BINAAN TEMPATAN YANG TIDAK TERSENARAI DALAM JADUAL KEEMPAT AKTA 520 (PINDAAN) 2011**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.


2. Untuk makluman tuan/puan, sejak Sistem CCPM diperkenalkan bagi tujuan pemerakuan bahan binaan tempatan pada tahun 2014, CIDB telah menerima dan memproses pendaftaran PPS termasuk produk/bahan binaan yang tidak tersenarai dalam Jadual Keempat CIDB. Bagi tujuan pemerakuan, keperluan standard bagi bahan/produk tersebut perlu dikenalpasti terlebih dahulu sebelum pemeriksaan produk dapat dilaksanakan.

3. Setelah 4 tahun sejak pendaftaran produk/bahan yang tidak disenaraikan dalam Jadual Keempat dibenarkan, pihak pengurusan memutuskan bahawa CIDB perlu menumpukan sepenuhnya kepada pendaftaran PPS kepada produk/bahan binaan yang tersenarai dalam Jadual Keempat CIDB sahaja bagi memberi tumpuan ke arah memperkasakan penguatkuasaan bahan binaan. Di samping itu juga, database CCPM akan dihadkan kepada produk/bahan yang berkaitan sahaja.

4. Oleh yang demikian, adalah dimaklumkan bahawa pendaftaran baru dan pembaharuan PPS produk/bahan binaan yang tidak tersenarai dalam Jadual Keempat CIDB telah mula efektif pada 1 Januari 2019. Untuk sebarang pertanyaan, boleh menghubungi En. Mohd Hafiz Zahar di talian 03-4047 7443 atau emel kepada [qpass@cidb.gov.my](mailto:qpass@cidb.gov.my).

Sekian, untuk makluman tuan/puan. Terima kasih.

**'BINA SEMPURNA'**



**SAZALCHE AMAT**  
Pengurus Besar  
Bahagian Bahan Binaan  
b.p. Ketua Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia